



NEGERI MELAKA

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

**Jil. 55**

**23hb Jun 2011**

**No. 13**

---

---

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM  
(NEGERI MELAKA) 2002

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM  
(STATE OF MALACCA) ENACTMENT 2002

**No. 430.**

PELANTIKAN HAKIM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH

APPOINTMENT OF SYARIAH SUBORDINATE COURT JUDGES

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 47(1), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002, Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Ketua Hakim Syarie telah melantik orang yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual sebagai Hakim Mahkamah Rendah Syariah Negeri Melaka mulai tarikh yang dinyatakan dalam ruang (2).

In exercise of the powers conferred by subsection 47(1) of the Administration of the Religion of Islam (State of Malacca) Enactment 2002, the Yang di-Pertuan Agong on the advice of Chief Syarie Judge has appointed the persons named in column (1) of the Schedule as Syariah Subordinate Court Judges of the State of Malacca with effect from the dates specified in column (2).

JADUAL/SCHEDULE

(1) Nama/Names	(2) Tarikh/Dates
1. Tuan Mohd Saifuddin bin Othman	2 April 2010

(1) Nama/ <i>Names</i>	(2) Tarikh/ <i>Dates</i>
2. Tuan Mohd Mirza bin Abdul Rashid	1 Julai 2010
3. Puan Firdawaty binti Mohammad	5 April 2011

Bertarikh 28 Mei 2011

Dated 28 May 2011

[MSNM 100-2-4; PUNM. 700-02-37]

DATUK SERI HAJI MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM  
*Pengerusi/Chairman*  
*Majlis Agama Islam*  
*Melaka*

**No. 431.**

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Melaka dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2009. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Kecuali apa yang dinyatakan dalam Laporan Ketua Audit Negara, pada pendapat saya Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Majlis Agama Islam Melaka dan Kumpulan pada 31 Disember 2009, hasil operasi dan aliran tunai untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

Saya telah mempertimbangkan Penyata Kewangan dan laporan juruaudit bagi semua syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada Penyata Kewangan Disatukan. Saya berpuas hati bahawa penyata kewangan berkenaan yang telah disatukan dengan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Melaka adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan Penyata Kewangan Disatukan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

Kecuali seperti yang dinyatakan dalam Laporan Ketua Audit Negara, laporan juruaudit mengenai Penyata Kewangan syarikat subsidiari lain tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjejaskan Penyata Kewangan Disatukan.

PUTRAJAYA  
Bertarikh 27 Disember 2010

DATO' HAJI ANWARI BIN SURI  
*b.p. Ketua Audit Negara  
Malaysia*

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

Laporan Ketua Audit Negara ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Sijil Ketua Audit Negara bagi menyokong pendapat Audit terhadap Penyata Kewangan tersebut.

2. Pemerhatian Audit terhadap Penyata Kewangan adalah seperti berikut:

2.1 Pelaburan Dinar Emas—RM250,000

Pada tahun 2007 Majlis telah membuat pelaburan di dalam Islamic Hybrid Instrument (IHI) berjumlah RM250,000 iaitu bersamaan 1073 IGD dengan purata harga RM233.69 bagi setiap IGD melalui syarikat subsidiari Yayasan Melaka iaitu Singgahsana Emas Sdn. Bhd. yang dilaksanakan oleh E-Qirad Sdn. Bhd. Pihak Audit telah dimaklumkan oleh Yayasan Melaka bahawa Syarikat IGDX Holding Ltd telah digantung oleh Bursa Saham Australia akibat kegagalan Syarikat ini mengemukakan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2008.

Oleh itu, peruntukan rosotnilai pelaburan kewangan sejumlah RM249,999 perlu diambil kira kerana pihak Majlis telah mengetahui akan mengalami kerugian yang kekal setelah pelaburan ini dihentikan pada 31 Julai 2008 oleh Singgahsana Emas Sdn. Bhd. Kesan daripada itu, nilai pelaburan kewangan Majlis yang dinyatakan di Lembaran Imbangan telah terlebih dinyatakan berjumlah RM249,999 dan lebih pendapatan sebelum cukai berjumlah RM2.11 juta akan berkurangan RM249,999 menjadi RM1.86 juta.

2.2 Baki Tunai Di Bank Terkurang Nyata—RM276,073

Pada tahun berakhir 31 Disember 2009, maklumat di Penyata Aliran tunai Majlis tidak tepat disebabkan oleh baki akaun Kumpulan Wang Wakaf tidak diambil kira sebagai wang dibank yang berjumlah RM276,073. Oleh itu, Penyata Aliran Tunai yang disediakan tidak boleh dijadikan penanda aras untuk mengukur kedudukan aliran tunai yang sebenar Majlis.

Langkah-langkah pembedaan yang sewajarnya hendaklah diambil oleh pihak pengurusan Majlis Agama Islam Melaka untuk meningkatkan akauntabiliti awam.

PUTRAJAYA  
Bertarikh 27 Disember 2010

DATO' HAJI ANWARI BIN SURI  
*b.p. Ketua Audit Negara  
Malaysia*

PENYATA Pengerusi dan SEORANG AHLI Lembaga Pengarah

Kami, Y.A.B. Datuk Seri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam dan Y.B. Datuk Haji Ghazale bin Muhamad yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Majlis Agama Islam Melaka, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, penyata kewangan di muka surat 4 hingga 21 adalah disediakan untuk menunjukkan gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Majlis Agama Islam Melaka dan Kumpulan pada 31 Disember 2009 dan Hasil kendaliannya dan perubahan kedudukan aliran tunai Majlis Agama Islam Melaka dan Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan dan terpakai di Malaysia.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi bertarikh:

Y.A.B DATUK SERI HAJI MOHD ALI  
BIN MOHD RUSTAM  
*Pengerusi  
Majlis Agama Islam  
Melaka*

Y.B. DATUK HAJI GHAZALE BIN  
MUHAMAD  
*Timbalan Pengerusi  
Majlis Agama Islam  
Melaka*

Majlis Agama Islam Melaka  
Kompleks Majlis Agama Islam Melaka  
Bukit Palah  
75150 Melaka

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS  
PENGURUSAN KEWANGAN MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA

Saya Idrus bin Md Jani, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Agama Islam Melaka dengan ikhlasnya mengakui bahawa penyata kewangan Majlis Agama Islam Melaka dan Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 mengikut sebaik-baik pengetahuan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

IDRUS BIN MD JANI  
*Setiausaha  
Majlis Agama Islam  
Melaka*

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh penama di atas Idrus bin Md Jani Di Melaka

Pada 27 Julai 2010

Di hadapan saya:

TENGGU KHATIJAH BINTI TENGGU ABDULLAH  
Pesuruhjaya Sumpah  
Malaysia

LEMBARAN IMBANGAN YANG DISATUKAN PADA 31 DISEMBER 2009

	Kumpulan		Majlis Agama Islam Melaka	
	2009	2008	2009	2008
	RM	RM	RM	RM
<b>ASET JANGKA PANJANG</b>				
Hartanah, loji dan peralatan (Nota 3)	35,191,467	36,364,125	33,004,160	35,494,872
Pelaburan dalam syarikat subsidiari (Nota 4)	—	—	3,020,906	3,020,906
Pelaburan ekuiti (Nota 5)	1,822,556	1,728,183	1,802,556	1,708,183
Pelaburan kewangan (Nota 6)	1,800,446	1,700,822	1,800,446	1,700,822
Kerja dalam pelaksanaan	1,161,557	—	1,161,557	—
Kerja dalam pelaksanaan	<u>39,922,526</u>	<u>39,793,130</u>	<u>40,789,625</u>	<u>41,924,783</u>
<b>ASET SEMASA</b>				
Inventori (Nota 7)	440,914	481,071	—	—
Penghutang perniagaan & pelbagai (Nota 8)	13,171,692	5,094,288	9,148,122	1,626,571
Tunai dan bersamaan tunai (Nota 9)	16,447,800	19,297,172	15,596,221	18,376,300
	<u>30,060,406</u>	<u>24,872,531</u>	<u>24,744,343</u>	<u>20,002,871</u>
<b>TOLAK:</b>				
<b>TANGGUNGAN SEMASA</b>				
Pemiutang perniagaan & pelbagai (Nota 11)	7,399,980	5,590,450	5,099,315	4,402,706
Pembiayaan (Nota 10)	135,871	149,943	—	—
Peruntukan cukai	481,802	560,238	—	—
	<u>8,017,653</u>	<u>6,300,631</u>	<u>5,099,315</u>	<u>4,402,706</u>
Aset semasa bersih	<u>22,042,753</u>	<u>18,571,900</u>	<u>19,645,028</u>	<u>15,600,165</u>
Jumlah Aset	<u>62,018,779</u>	<u>58,365,030</u>	<u>60,435,653</u>	<u>57,524,951</u>
<b>TOLAK:</b>				
<b>TANGGUNGAN JANGKA PANJANG</b>				
Cukai tertunda	11,810	34,382	—	—
Pembiayaan sewa beli	44,339	53,718	—	—
	<u>61,962,630</u>	<u>58,276,930</u>	<u>60,434,653</u>	<u>57,524,951</u>

	Kumpulan		Majlis Agama Islam Melaka	
	2009	2008	2009	2008
	RM	RM	RM	RM
DANA DIWAKILI OLEH:				
Kumpulan Wang Zakat	43,105,583	44,534,537	43,105,583	44,534,537
Kumpulan Wang Baitulmal	11,106,071	7,693,395	11,106,071	7,693,397
Kumpulan Wang Wakaf	6,222,999	5,297,017	6,222,999	5,297,017
Rizab terkumpul	1,241,222	465,226	—	—
Rizab hasil daripada penyatuan	286,755	286,755	—	—
	<u>61,962,630</u>	<u>58,276,930</u>	<u>60,434,653</u>	<u>57,524,951</u>

PENYATA PENDAPATAN YANG DISATUKAN BAGI TAHUN KEWANGAN  
BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

	Kumpulan		Majlis Agama Islam Melaka	
	2009	2008	2009	2008
	RM	RM	RM	RM
Pendapatan				
Kumpulan Wang Zakat (Nota 12)	30,783,341	26,936,445	30,783,341	26,936,445
Kumpulan Wang Baitulmal (Nota 12)	8,877,604	4,333,377	8,877,604	4,333,377
Kumpulan Wang Wakaf (Nota 12)	907,875	981,948	907,875	981,948
Pendapatan Subsidiari (Nota 12)	11,652,160	11,169,194	—	—
Jumlah pendapatan	<u>52,220,980</u>	<u>43,420,964</u>	<u>40,568,820</u>	<u>32,251,770</u>
Tolak:				
Kos pendapatan (Nota 13)	6,244,113	6,773,459	—	—
Jumlah pendapatan kasar	<u>45,976,867</u>	<u>36,647,505</u>	<u>40,568,820</u>	<u>32,251,770</u>
Agihan Wang Zakat (Nota 13)	32,157,885	21,754,282	32,157,885	21,754,282
Perbelanjaan Wang Baitulmal (Nota 13)	5,220,071	4,431,900	5,220,071	4,431,900
Perbelanjaan Wang Wakaf (Nota 13)	683,798	597,673	683,798	597,673
Perbelanjaan Subsidiari (Nota 13)	4,318,774	4,431,748	—	—
Susutnilai (Nota 3)	924,959	640,513	591,267	640,513
Rosotnilai (Nota 14)	-178,640	320,119	-194,825	320,119
Jumlah perbelanjaan	<u>43,126,847</u>	<u>32,176,233</u>	<u>38,458,196</u>	<u>27,744,485</u>
Lebih pendapatan sebelum cukai	<u>2,850,020</u>	<u>4,471,273</u>	<u>2,110,623</u>	<u>4,507,285</u>
Cukai (Nota 15)	-36,600	156,829	—	—
Lebih pendapatan bagi tahun semasa	<u>2,886,620</u>	<u>4,314,443</u>	<u>2,110,623</u>	<u>4,507,285</u>
Lebih terkumpul dibawa ke hadapan	59,022,510	53,675,732	58,324,030	53,017,666
Rizab terkumpul	<u>61,909,130</u>	<u>57,990,175</u>	<u>60,434,653</u>	<u>57,524,951</u>

PENYATA PERUBAHAN RIZAB YANG DISATUKAN BAGI TAHUN KEWANGAN  
BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

	Rizab terkumpul	Rizab hasil daripada penyatuan	Majlis  RM	Kumpulan  RM
<b>RIZAB TERKUMPUL</b>				
Baki pada 1 Januari 2008	658,068	286,755	53,015,285	53,960,108
Kesan pelarasan tahun lalu	—	—	2,381	2,381
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Seperti yang dinyatakan semula	658,068	286,755	53,017,666	53,962,489
Lebih tahun semasa	-192,842	—	4,507,285	4,314,443
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Baki pada 31 Disember 2008	465,226	286,755	57,524,951	58,276,932
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
<b>Baki Pada 1 Januari 2009</b>				
Seperti yang dinyatakan tahun lalu	465,226	286,755	57,524,951	58,276,932
Kesan pelarasan tahun lalu	-53,500	—	799,079	745,578
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Seperti yang dinyatakan kini	411,725	286,755	58,324,030	59,022,510
Lebih tahun semasa	775,997	—	2,110,623	2,886,620
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Baki pada 31 Disember 2009	1,187,722	286,755	60,434,653	61,909,130
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>

PENYATA PERUBAHAN RIZAB BAGI TAHUN KEWANGAN  
BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

	Zakat RM	Baitulmal RM	Majlis Agama Islam Melaka Wakaf RM	Jumlah RM
Baki pada 1 Januari 2008	39,352,356	8,696,369	4,966,560	53,015,285
Kesan pelarasan tahun lalu	17	4,364	-2,000	2,381
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Seperti yang dinyatakan semula	39,352,373	8,700,733	4,964,560	53,017,666
Lebih tahun semasa	5,182,163	-1,007,336	332,457	4,507,285
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Baki pada 31 Disember 2008	44,534,537	7,693,397	5,297,017	57,524,951
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
<b>Baki pada 1 Januari 2009</b>				
Seperti yang dinyatakan tahun lalu	44,534,537	7,693,397	5,297,017	57,524,951
Kesan pelarasan tahun lalu	-54,410	99,766	753,723	799,079
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Seperti yang dinyatakan kini	44,480,127	7,793,163	6,050,740	58,324,030
Lebih tahun semasa	-1,374,544	3,312,908	172,259	2,110,623
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Baki pada 31 Disember 2009	43,105,583	11,106,071	6,222,999	60,434,653
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>

PENYATA ALIRAN TUNAI YANG DISATUKAN BAGI TAHUN KEWANGAN  
BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

	Kumpulan		Majlis Agama Islam Melaka	
	2009	2008	2009	2008
	RM	RM	RM	RM
Aliran tunai dari aktiviti operasi				
Lebih pendapatan di atas perbelanjaan	2,886,620	4,815,661	2,110,623	4,507,285
Pelarasan untuk:				
Tahun semasa	745,578	2,379	799,079	2,379
Cukai tertunda	22,572	—	—	—
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	924,959	640,513	591,267	640,513
Elaun rosotnilai pelaburan saham	-194,825	320,118	-194,825	320,118
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Keuntungan operasi sebelum pergerakan dalam modal kerja (Penambahan)/Pengurangan dalam modal kerja:	4,384,904	5,778,671	3,306,144	5,470,294
Inventori	40,157	—	—	—
Penghutang perniagaan dan pelbagai	-8,077,404	82,132	-7,521,551	82,132
Pemiutang perniagaan dan pelbagai	1,717,022	-1,700,581	696,609	-1,700,581
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Tunai diperolehi dari aktiviti operasi	-1,935,321	4,160,222	-3,518,798	3,851,844
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Aliran tunai dari aktiviti pelaburan				
Belian hartanah, loji dan peralatan	-3,581,480	811,267	-1,929,734	1,297,702
Jualan hartanah, loji dan peralatan	3,829,178	—	3,829,178	—
Pelaburan bersih dalam syarikat subsidiari	—	—	—	-50,000
Pelaburan bersih dalam pelaburan kewangan	832	-597,929	832	-937,829
Pelaburan bersih dalam projek pembangunan	-1,161,557	—	1,161,557	—
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Tunai bersih dari aktiviti pelaburan	-913,027	213,338	738,719	309,873
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Aliran tunai dari aktiviti kewangan				
Penerimaan/(pembayaran balik) pembiayaan	1,024	1,628	—	—
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Tunai bersih dari aktiviti kewangan	1,024	1,628	—	—
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
(Pengurangan)/penambahan bersih dalam tunai dan bersamaan tunai	-2,849,372	4,375,188	-2,780,079	4,161,718
Tunai dan bersamaan tunai pada awal tahun kewangan	19,297,172	14,772,041	18,376,300	14,214,582
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Tunai dan bersamaan tunai pada akhir tahun kewangan	16,447,800	19,147,229	15,320,148	18,376,300
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>



	Kumpulan		Majlis Agama Islam Melaka	
	2009	2008	2009	2008
	RM	RM	RM	RM
Tunai dan bersamaan tunai terdiri daripada:				
Pelaburan dalam simpanan dengan institusi kewangan berlesen	4,525,228	5,811,506	4,144,719	5,437,325
Baki tunai dan di bank	11,646,499	13,485,666	11,175,429	12,938,975
	<u>16,447,800</u>	<u>19,297,172</u>	<u>15,320,148</u>	<u>18,376,300</u>

Nota: Pada tahun 2008, pelaburan di dalam Amanah Raya Berhad berjumlah RM250,563 dan pelaburan di dalam Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM) berjumlah RM700,000 telah diklasifikasikan semula daripada Pelaburan dalam simpanan dengan institusi kewangan berlesen kepada Pelaburan Kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

1. MAKLUMAT KORPORAT

Tanggungjawab utama Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) adalah membangun, menggalak, mengurus dan meningkatkan sosio-ekonomi orang-orang Islam mengikut undang-undang syarak. Kegiatan utama syarikat subsidiari pula adalah seperti yang dinyatakan di Nota 4 kepada penyata kewangan. Tidak terdapat sebarang perubahan yang ketara di dalam aktiviti utama ini di sepanjang tahun kewangan.

Lokasi utama perniagaan terletak di Kompleks Majlis Agama Islam Melaka, Bukit Palah, 75150 Melaka.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

(a) Asas perakaunan

Penyata kewangan Kumpulan dan MAIM telah disediakan mengikut kehendak-kehendak Akta Syarikat 1965 dan Badan Berkanun 1980 diubahsuai mengikut Tatacara Kewangan dan Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis dan Piawaian-Piawaian Perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB).

Piawaian perakaunan yang dinyatakan di bawah telah diguna pakai secara konsisten sepanjang tempoh kewangan yang dinyatakan dalam penyata kewangan ini, dan telah diguna pakai secara konsisten oleh entiti-entiti dalam Kumpulan, melainkan dinyatakan sebaliknya. Beberapa jumlah perbandingan telah diklasifikasi semula supaya selaras dengan pembentangan tahun semasa.

(i) Asas pengukuran

Penyata kewangan Kumpulan dan MAIM telah disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah.

(ii) Matawang fungsian

Penyata kewangan ini dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM), iaitu matawang fungsian Kumpulan dan MAIM.

(iii) Penggunaan anggaran dan pertimbangan

Penyediaan penyata kewangan ini memerlukan pihak pengurusan membuat beberapa pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada aplikasi polisi perakaunan dan amaun yang dilaporkan bagi aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Keputusan sebenar barangkali berbeza daripada anggaran berkaitan.

Anggaran dan andaian asas adalah dikaji secara berterusan. Pindaan kepada anggaran perakaunan adalah diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran tersebut dipinda dan dalam mana-mana tempoh akan datang yang terlibat.

## (b) Asas penyatuan

Syarikat subsidiari adalah syarikat-syarikat di bawah kawalan MAIM. Kawalan wujud apabila MAIM mempunyai kuasa, secara langsung atau tidak langsung, untuk menentukan polisi-polisi kewangan dan operasi sesebuah syarikat dengan tujuan untuk mendapat faedah daripada aktiviti syarikat tersebut.

Penyata kewangan syarikat subsidiari diambil kira ke dalam penyata kewangan yang disatukan bermula dari tarikh berkuatkuasa kawalan sehingga ke tarikh berkuatkuasa kawalan berakhir. Syarikat subsidiari disatukan dengan menggunakan kaedah perakaunan untuk pengambilalihan.

Sesebuah syarikat subsidiari dikeluarkan dari penyatuan apabila kawalan hanya untuk sementara waktu jika syarikat subsidiari itu diambil alih dan dipegang secara eksklusif dengan tujuan untuk dijual pada masa hadapan yang terdekat dan tidak disatukan sebelumnya atau ia beroperasi di bawah halangan jangka panjang yang menjejaskan dengan ketara keupayaannya untuk memindahkan dana kepada syarikat. Syarikat subsidiari yang dikeluarkan berdasarkan alasan ini diambil kira sebagai pelaburan.

Perbezaan di antara kos pengambilalihan dan nilai saksama aset bersih syarikat subsidiari ini dikira sebagai muhibah atau rizab penyatuan, mana-mana yang bersesuaian.

Mengikut kaedah perakaunan untuk pengambilalihan, kedudukan kewangan syarikat subsidiari yang diambil alih atau dijual bagi sepanjang tahun perakaunan diambil kira dari tarikh pengambilalihan atau sehingga ke tarikh penjualan. Pada tarikh pengambilalihan, nilai saksama ke atas aset bersih syarikat subsidiari ditentukan dan nilai ini diambil kira ke dalam penyata kewangan Kumpulan.

Semua urusanniaga dan baki di antara syarikat subsidiari dan sebarang keuntungan belum nyata yang terbit dari urusanniaga tersebut dihapuskan dalam penyatuan. Kerugian yang belum direalisasi yang terhasil daripada urusanniaga dalam Kumpulan juga dihapuskan kecuali apabila kos tidak boleh diperolehi semula.

## (c) Hartanah, loji dan peralatan

Hartanah, loji dan peralatan kecuali tanah milik bebas dan kerja dalam pembinaan dinyatakan pada kos/penilaian ditolak susutnilai terkumpul. Hartanah, loji dan peralatan yang tidak lagi digunakan secara aktif dan dipegang untuk dijual semula dinyatakan pada nilai terendah antara nilai buku dan nilai boleh diperolehi.

## Susutnilai

- (i) Tanah milik bebas dan kerja dalam pembinaan tidak dilunaskan. Kaedah garis lurus digunakan untuk menghapuskan kos aset yang lain bagi tempoh usia guna pada asas kadar tahunan berikut:

Bangunan	2% setiap tahun
Pembaikan dan pengubahsuaian bangunan	10% setiap tahun
Kenderaan	25% bagi tahun pertama 10% bagi tahun seterusnya
Perabot, lekapan dan kelengkapan pejabat	25% bagi tahun pertama 10% bagi tahun seterusnya

*Bagi bangunan Wakaf Khas Kg. Hulu dan Kg. Keling tidak dikenakan susutnilai.*

## (d) Pajakan kewangan

Pajakan yang mana Kumpulan dan MAIM menanggung kebanyakan risiko dan ganjaran pemilikan aset adalah pajakan kewangan. Aset yang diperolehi melalui pajakan kewangan dinyatakan pada nilai yang lebih rendah antara nilai saksama dan nilai kini bagi pembayaran minima pada tarikh permulaan pajakan tersebut, ditolak susutnilai terkumpul.

Untuk mengira nilai kini bayaran minima pajakan, kadar diskaun adalah kadar faedah tersirat di dalam pajakan; sekiranya praktikal, jika tidak, kadar tambahan pembiayaan Kumpulan akan digunakan.

(e) Pelaburan

Pelaburan dalam syarikat subsidiari dinyatakan pada kos, selepas ditolak elaun rosotnilai. Elaun rosotnilai dibuat apabila para Pengarah berpendapat bahawa wujud pengurangan nilai bukan bersifat sementara terhadap pelaburan tersebut.

Pelaburan dalam saham tercatat dan saham tidak tercatat dinyatakan pada kos, selepas ditolak elaun rosotnilai. Elaun rosotnilai dibuat apabila para Pengarah berpendapat bahawa wujud pengurangan nilai bukan bersifat sementara terhadap pelaburan tersebut.

(f) Penghutang perniagaan dan pelbagai penghutang

Penghutang perniagaan dan pelbagai penghutang dinyatakan pada kos, selepas ditolak elaun kerugian. Elaun kerugian dibuat bagi hutang tidak berbayar yang telah dikaji satu persatu dan dikenal pasti secara spesifik sebagai lapuk atau ragu.

(g) Pemiutang

Pemiutang perniagaan dan pelbagai pemiutang dinyatakan pada kos.

(h) Tanah untuk pembangunan hartanah

Tanah untuk pembangunan hartanah terdiri daripada tanah atau sebahagian daripada tanah yang mana tiada aktiviti pembangunan telah dijalankan atau yang mana aktiviti pembangunan tidak dijangka akan disiapkan dalam tempoh normal pusingan operasi Kumpulan. Tanah untuk pembangunan hartanah diklasifikasikan sebagai aset jangka panjang dan dinyatakan pada kos tolak rosotnilai terkumpul.

Tanah untuk pembangunan hartanah diklasifikasikan semula sebagai kos pembangunan tanah apabila aktiviti pembangunan telah bermula dan apabila dapat ditunjukkan bahawa aktiviti pembangunan tersebut dapat disiapkan dalam tempoh normal pusingan operasi Kumpulan.

Kos yang berkaitan dengan pembelian tanah adalah termasuk harga belian tanah, yuran profesional, duti setem, komisen, yuran penukaran dan levi yang berkaitan.

(i) Kos pembangunan hartanah

Kos pembangunan hartanah terdiri daripada kos yang berkaitan dengan pembelian tanah dan kesemua kos yang berkait secara langsung dengan aktiviti pembangunan atau yang dapat diuntukkan kepada aktiviti-aktiviti terbabit menggunakan kaedah yang munasabah.

Kos yang dibelanjakan ke atas projek pembangunan yang mana aktiviti pembangunan tersebut dijangka akan siap dalam tempoh normal pusingan operasi Kumpulan selama 2 atau 3 tahun diklasifikasikan sebagai aset semasa. Kos umum diuntukkan ke projek pembangunan masa hadapan yang berada dalam lokasi geografi yang sama dengan projek pembangunan sedia ada diklasifikasikan sebagai aset jangka panjang.

Kos pembangunan hartanah yang tidak diiktiraf sebagai perbelanjaan adalah diiktiraf sebagai aset dan dinyatakan pada nilai terendah antara kos dan nilai boleh diperolehi.

Lebih pendapatan yang diiktiraf dalam penyata pendapatan ke atas jumlah yang dituntut daripada pembeli dinyatakan sebagai bil terakru dalam penghutang perniagaan dan pelbagai penghutang, manakala lebih jumlah yang dituntut daripada pembeli ke atas jumlah pendapatan yang diiktiraf dalam penyata pendapatan dinyatakan sebagai bil kemajuan dalam pemiutang perniagaan dan pelbagai penghutang.

## (j) Inventori

Inventori dinyatakan pada nilai terendah antara kos dan nilai realisasi bersih dengan menggunakan kaedah purata wajaran sebagai asas utama pengiraan kos.

Barang-barang stor dinyatakan pada kos berdasarkan nilai yang diinvois oleh pembekal.

## (k) Tunai dan bersamaan tunai

Tunai dan bersamaan tunai terdiri daripada wang tunai di tangan, baki dan deposit di bank dan pelaburan berkecairan tinggi yang mempunyai risiko rendah untuk berubah nilai. Untuk tujuan penyediaan penyata aliran tunai, tunai dan bersamaan tunai dinyatakan bersih dari overdraf bank dan deposit dicagarkan.

## (l) Kos pembiayaan yang dipermodalkan

Kos pembiayaan yang terlibat dalam kerja kontrak dalam pembinaan, kos pembangunan hartanah dan jumlah kasar terhutang daripada pelanggan kontrak adalah dipermodalkan. Kos pembiayaan yang dipermodalkan akan berakhir apabila aset tersebut telah bersedia untuk digunakan bagi tujuan yang sepatutnya.

Kadar permodalan yang digunakan untuk menentukan jumlah kos pembiayaan yang layak untuk dipermodalkan ialah purata wajaran kos pembiayaan yang berkaitan dengan pembiayaan syarikat subsidiari yang masih belum dibayar sepanjang tahun, selain daripada pembiayaan yang dibuat khusus untuk membiayai kerja kontrak dalam pembinaan, hartanah dalam pembangunan, dan jumlah kasar terhutang daripada pelanggan kontrak, di mana dalam situasi ini kos pembiayaan sebenar yang terlibat dalam pembiayaan tersebut ditolak sebarang pendapatan dari pelaburan sementara ke atas pembiayaan tersebut, akan dipermodalkan.

Seandainya kerja-kerja aktif pembangunan tersebut tergendala, permodalan kos pembiayaan akan dihentikan sementara bagi sepanjang tempoh tersebut.

## (m) Cukai

Cukai pendapatan syarikat subsidiari atas keuntungan atau kerugian untuk tahun semasa adalah terdiri daripada cukai tahun semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa adalah jumlah cukai yang dijangka daripada cukai pendapatan perlu dibayar berhubung keuntungan boleh dicukai tahun semasa dikira berdasarkan kadar cukai yang telah digubal pada tarikh lembaran imbangan.

Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti, atas perbezaan sementara pada tarikh lembaran imbangan di antara asas-asas aset dan liabiliti serta nilai dibawanya di dalam penyata pendapatan. Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh dicukai. Aset cukai tertunda diiktiraf hanya pada tahap berkemungkinan terdapatnya keuntungan yang boleh dikenakan cukai di masa hadapan boleh diperolehi dari aset yang digunakan. Cukai tertunda tidak diiktiraf sekiranya perbezaan sementara timbul daripada muhibah atau muhibah negatif atau daripada pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukan merupakan kombinasi perniagaan dan pada masa urus niaga, tidak menjejaskan sama ada keuntungan perakaunan ataupun keuntungan boleh dicukai.

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangka akan terpakai dalam tempoh di mana aset direalis atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya pada tarikh lembaran imbangan.

## (n) Manfaat pekerja

## (i) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji dan bonus diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan dilaksanakan oleh kakitangan-kakitangan Kumpulan dan MAIM.

## (ii) Pelan caruman tetap

Kumpulan dan MAIM membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan skim pencen yang diiktiraf untuk kakitangan. Caruman ini merupakan pelan caruman tetap yang mana caruman ini diiktiraf sebagai perbelanjaan semasa dalam penyata pendapatan apabila ia berlaku.

## (o) Pendapatan

## (i) Pendapatan dari pelaburan

Keuntungan dari pelaburan yang menurut hukum-hukum syarak diiktiraf di dalam penyata pendapatan secara akru.

Dividen dari pelaburan diiktiraf secara akru apabila hak untuk menerima dividen telah diiktiraf dan disahkan oleh syarikat pelaburan.

## (ii) Barangan jualan dan perkhidmatan

Pendapatan daripada penjualan barangan dikira pada nilai saksama pendapatan yang akan diterima dan diiktiraf di dalam penyata pendapatan apabila semua risiko dan ganjaran hakmilik telah dipindahkan kepada pembeli.

Pendapatan daripada perkhidmatan diiktiraf di dalam penyata pendapatan apabila perkhidmatan telah dilaksanakan. Apabila hasil dari urusanniaga itu tidak dapat dianggarkan secara tepat, pendapatan diiktiraf hanya setakat perbelanjaan yang diiktiraf yang dapat diperolehi semula.

## (p) Perbelanjaan

## (i) Kos pembiayaan

Semua kos pembiayaan dan lain-lain kos yang berkaitan dengan pembiayaan diambil kira di dalam penyata pendapatan apabila ia berlaku kecuali kos pembiayaan yang dipermodalkan seperti dinyatakan di dalam nota 2(q) kepada penyata kewangan.

## (q) Peruntukan bagi liabiliti

Peruntukan bagi liabiliti diiktiraf apabila Kumpulan dan MAIM mempunyai obligasi semasa yang disebabkan oleh peristiwa lepas dan ianya berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber-sumber yang membentuk faedah ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi, dan anggaran yang boleh dipercayai jumlahnya boleh dibuat. Peruntukan disemak pada setiap tarikh lembaran imbalan dan diselaraskan untuk menunjukkan anggaran terbaik semasa. Di mana kesan nilai masa wang adalah ketara, jumlah peruntukan adalah nilai semasa daripada perbelanjaan dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi.

## (r) Pelaburan hartanah

Pelaburan hartanah adalah tanah dan bangunan pejabat yang dipegang untuk memberi pulangan sewa atau peningkatan nilai aset atau keduanya dan tidak didiami secara ketara oleh Kumpulan dan MAIM. Pelaburan hartanah direkodkan pada kos ditolak susutnilai dan rosotnilai terkumpul. Perbezaan antara nilai buku dan harga jualan bersih direkodkan sebagai keuntungan/kerugian di dalam penyata pendapatan. Kadar dan kaedah susutnilai adalah seperti dinyatakan di Nota 2(c)(i).

3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Kumpulan	Tanah	Bangunan	Kenderaan	Peralatan & Kelengkapan Pejabat	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM
Kos					
Pada 1 Januari 2009	9,107,116	28,722,753	564,058	2,213,414	40,607,341
Belian/Penambahan	—	3,125,920	91,208	364,352	3,581,480
Jualan/pelupusan	2,460,678	1,368,500	—	—	3,829,178
Pada 31 Disember 2009	6,646,438	30,480,173	655,266	2,577,765	40,359,642
Susutnilai terkumpul					
Pada 1 Januari 2009	—	2,183,510	444,351	1,615,355	4,243,216
Tambahan	—	571,720	65,183	288,056	924,959
Pelupusan	—	—	—	—	—
Pada 31 Disember 2009	—	2,755,229	509,535	1,903,411	5,168,175
Nilai buku bersih					
Pada 31 Disember 2009	6,646,438	27,724,944	145,731	674,354	35,191,467
Pada 31 Disember 2008	9,107,116	26,539,243	119,707	598,059	36,364,125
Majlis Agama Islam Melaka					
Kos					
Pada 1 Januari 2009	9,107,116	28,320,247	160,900	734,687	38,322,950
Belian/Penambahan	—	1,771,400	91,208	67,126	1,929,734
Jualan/pelupusan	2,460,678	1,368,500	—	—	3,829,178
Pada 31 Disember 2009	6,646,438	28,723,147	252,108	801,813	36,423,506
Susutnilai terkumpul					
Pada 1 Januari 2009	—	2,064,952	160,898	602,229	2,828,079
Susutnilai tahun semasa	—	523,924	22,802	44,541	591,267
Pada 31 Disember 2009	—	2,588,876	183,700	646,770	3,419,346
Nilai buku bersih					
Pada 31 Disember 2009	6,646,438	26,134,271	68,408	155,043	33,004,160
Pada 31 Disember 2008	9,107,116	26,255,295	2	132,458	35,494,872

## 4. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI

	Majlis Agama Islam Melaka	
	2009	2008
	RM	RM
Tak tersiar Harga		
Saham pada kos:		
Pusat Zakat Melaka Sdn. Bhd.	1,222,852	1,222,852
MAIM Holdings Sdn. Bhd.	1,748,054	1,748,054
Kompleks Falak Al Khawarizmi Sdn. Bhd.	50,000	50,000
	<u>3,020,906</u>	<u>3,020,906</u>

Berikut adalah syarikat subsidiari MAIM:

No.	Nama syarikat	Aktiviti Utama 2009	% ekuiti 2008
Diperbadankan di Malaysia			
(i)	Pusat Zakat Melaka Sdn. Bhd.	Pengendalian Pungutan Zakat	100%
(ii)	MAIM Holdings Sdn. Bhd.	Pegangan pelaburan, perdagangan am dan kontraktor am	100%
dan syarikat subsidiarinya:			
	MAIM Bentara Sdn. Bhd.	100%	100%
	MAIM Bentara Security Sdn. Bhd.	100%	100%
	MAIM Industries Sdn. Bhd.	100%	100%
	MAIM Development Sdn. Bhd.	100%	100%
(iii)	Kompleks Falak Al Khawarizmi Sdn. Bhd.	Perniagaan am, sewaan dewan dan tempat penginapan	100%

## 5. PELABURAN EKUITI

	Kumpulan		Majlis Agama Islam Melaka	
	2009	2008	2009	2008
	RM	RM	RM	RM
Tersiar Harga				
Saham pada kos	2,961,658	2,961,658	2,961,658	2,961,658
Tolak:				
Elaun rosotnilai pelaburan terkumpul	-1,159,102	-1,253,475	-1,159,102	-1,253,475
	<u>1,802,556</u>	<u>1,708,183</u>	<u>1,802,556</u>	<u>1,708,183</u>

	Kumpulan		Majlis Agama Islam Melaka	
	2009	2008	2009	2008
	RM	RM	RM	RM
Tak Tersiar Harga				
Saham pada kos	20,000	20,000	—	—
	<u>1,822,556</u>	<u>1,728,183</u>	<u>1,802,556</u>	<u>1,708,183</u>

Harga pasaran saham tercatat 31 Disember 2009—RM2,390,908

6. PELABURAN KEWANGAN

	Majlis Agama Islam Melaka	
	2009	2008
	RM	RM
Saham Amanah	1,510,093	1,510,093
Dinar Emas	250,000	250,829
Amanah Raya Berhad	250,000	250,000
Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam	700,000	700,000
	<u>2,710,093</u>	<u>2,710,922</u>
Tolak:		
Elaun rosotnilai pelaburan terkumpul	-909,647	-1,010,100
	<u>1,800,446</u>	<u>1,700,822</u>

Harga Saham Amanah tercatat 31 Disember 2009—RM600,446 Harga Dinar Emas tercatat 31 Disember 2009—RM352,602.

7. INVENTORI

	Kumpulan		Majlis Agama Islam Melaka	
	2009	2008	2009	2008
	RM	RM	RM	RM
Stok barangan	440,914	481,071	—	—

8. PENGHUTANG PERNIAGAAN DAN PELBAGAI

KUMPULAN WANG ZAKAT

	2009	2008
	RM	RM
Penghutang perniagaan		
Skim pinjaman perniagaan	—	53,910



KUMPULAN WANG BAITULMAL

	2009 RM'000	2008 RM'000
Penghutang perniagaan		
Penghutang perniagaan	8,335,390	745,501
Penebusan harta pusaka	443,328	266,127
	<u>8,778,718</u>	<u>1,011,628</u>
Pelbagai penghutang		
Pelbagai penghutang, deposit dan prabayaran	7,695	7,695
Pembiayaan kakitangan	50,105	53,735
Jumlah terhutang daripada syarikat Subsidiari	82,000	94,000
Pelbagai pendahuluan	—	264,411
	<u>8,918,518</u>	<u>1,431,469</u>

KUMPULAN WANG WAKAF

Penghutang perniagaan		
Penghutang perniagaan	227,479	139,066
Pelbagai penghutang		
Pelbagai penghutang, deposit dan prabayaran	2,126	2,126
	<u>229,605</u>	<u>141,192</u>
Jumlah		
Penghutang perniagaan dan pelbagai	<u>9,148,122</u>	<u>1,626,571</u>

9. TUNAI DAN BERSAMAAN TUNAI

	Kumpulan		Majlis Agama Islam Melaka	
	2009 RM	2008 RM	2009 RM	2008 RM
Pelaburan dalam simpanan dengan institusi kewangan berlesen:				
Kumpulan Wang Zakat	1,835,376	1,810,834	1,835,376	1,810,834
Kumpulan Wang Baitulmal	409,343	1,726,491	409,343	1,726,491
Kumpulan Wang Wakaf—Wakaf Am	1,900,000	1,900,000	1,900,000	1,900,000
Syarikat subsidiari	380,509	374,181	—	—
	<u>4,525,228</u>	<u>5,811,506</u>	<u>4,144,719</u>	<u>5,437,325</u>
Baki tunai dan di bank:				
Kumpulan Wang Zakat	9,647,226	10,379,147	9,647,226	10,379,147
Kumpulan Wang Baitulmal	471,628	1,266,885	471,628	1,266,885
Kumpulan Wang Wakaf	1,332,648	1,292,943	1,056,575	1,292,943
Syarikat subsidiari	471,070	546,691	—	—
	<u>11,922,572</u>	<u>13,485,666</u>	<u>11,175,429</u>	<u>12,938,975</u>
Tunai dan bersamaan tunai	<u>16,447,800</u>	<u>19,297,172</u>	<u>15,596,221</u>	<u>18,376,300</u>

10. PEMBIAYAAN

	Kumpulan		Majlis Agama Islam Melaka	
	2009	2008	2009	2008
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Semasa:				
Overdraif bank-tidak bercagar	124,219	149,943	—	—
Pemiutang sewabeli	11,652	—	—	—
	<u>135,871</u>	<u>149,943</u>	<u>—</u>	<u>—</u>

11. PEMIUTANG PERNIAGAAN DAN PELBAGAI

KUMPULAN WANG ZAKAT

	2009	2008
	RM	RM
Pemiutang perniagaan		
Pemiutang perniagaan Deposit diterima	1,778,113	1,412,382
	<u>174,932</u>	<u>—</u>

KUMPULAN WANG BAITULMAL

	2009	2008
	RM'000	RM'000
Pemiutang perniagaan		
Pemiutang perniagaan Deposit diterima	989,353	314,300
Wang tahanan	495,410	96,860
	<u>88,670</u>	<u>345,720</u>
	<u>1,573,433</u>	<u>756,880</u>
Pelbagai pemiutang		
Pelbagai terimaan terdahulu	303,823	398,336
Jumlah	<u>1,877,256</u>	<u>1,155,216</u>

KUMPULAN WANG WAKAF

	2009	2008
	RM'000	RM'000
Pemiutang perniagaan		
Pemiutang perniagaan Deposit diterima	4,568	4,794
	<u>82,514</u>	<u>837,538</u>
Pelbagai pemiutang		
Pelbagai terimaan terdahulu	1,181,932	992,776
Jumlah	<u>1,269,014</u>	<u>1,835,108</u>
Pemiutang perniagaan dan pelbagai	<u>5,099,315</u>	<u>4,402,706</u>

12. PENDAPATAN

	2009 RM	2008 RM
<b>KUMPULAN WANG ZAKAT</b>		
Zakat harta	27,668,664	23,984,705
Zakat fitrah	2,986,910	2,933,466
Lain-lain kutipan zakat	127,767	18,275
	<u>30,783,341</u>	<u>26,936,445</u>
<b>KUMPULAN WANG BAITULMAL</b>		
Pendapatan sewa	1,035,800	911,550
Keuntungan pelaburan	4,464,915	610,510
Harta pusaka, faraid, sijil halal	785,549	392,156
Faedah bank	2,973	3,259
Terimaan daripada Kerajaan Negeri	2,019,120	1,996,560
Faedah Pinjaman	1,254	1,286
Pelbagai terimaan	567,993	418,056
	<u>8,877,604</u>	<u>4,333,377</u>
<b>KUMPULAN WANG WAKAF</b>		
Pendapatan sewa	425,130	390,083
Faedah bank	2,371	1,558
Pelbagai pendapatan	480,374	590,307
	<u>907,875</u>	<u>981,948</u>
<b>SUBSIDIARI</b>		
Pendapatan operasi	11,591,322	11,143,147
Pelbagai pendapatan	60,838	26,047
	<u>11,652,160</u>	<u>11,169,194</u>
Jumlah	<u>52,136,043</u>	<u>43,420,964</u>

13. PERBELANJAAN

<b>KUMPULAN WANG ZAKAT</b>		
Asnaf fakir	10,462,743	6,243,586
Asnaf miskin	2,828,232	1,359,450
Asnaf amil	5,427,095	4,948,981
Asnaf Muallaf	5,180,132	1,438,929
Asnaf Gharimin	1,095,847	13,466
Asnaf Fisabilillah	7,161,870	7,743,617
Asnaf Ibnu Sabil	1,966	6,252
	<u>32,157,885</u>	<u>21,754,282</u>
<b>KUMPULAN WANG BAITULMAL</b>		
Emolumen	2,783,598	2,777,358
Kerajaan & hospitaliti	31,727	32,833
Penyelenggaraan & pembaikan	80,276	32,979
Bayaran & kenaaan tetap	113,221	112,332

	2009	2008
	RM	RM
Perhubungan	49,258	56,065
Utiliti	374,128	330,226
Perkhidmatan ikhtisas	1,298,589	899,625
Lain-lain perbelanjaan	489,274	190,482
	<u>5,220,071</u>	<u>4,431,900</u>
<b>KUMPULAN WANG WAKAF</b>		
Emolumen	189,228	175,109
Penyelenggaraan & pembaikan	45,892	164,304
Perkhidmatan ikhtisas	64,957	102,226
Lain-lain perbelanjaan	383,721	156,034
	<u>683,798</u>	<u>597,673</u>

14. ROSOTNILAI DAN HAPUSKIRA

	Kumpulan		Majlis Agama Islam Melaka	
	2009	2008	2009	2008
	RM	RM	RM	RM
Elaun rosotnilai pelaburan				
Pelaburan ekuiti	-1,159,102	-1,253,473	-1,159,102	-1,253,473
Pelaburan kewangan	-925,831	-1,010,100	-909,647	-1,010,100
	<u>-2,084,932</u>	<u>-2,263,573</u>	<u>-2,068,748</u>	<u>-2,263,573</u>

15. CUKAI

	Kumpulan	
	2009	2008
	RM	RM
Syarikat subsidiari	36,600	156,829

16. INSTRUMEN KEWANGAN

Objektif dan polisi pengurusan risiko kewangan

Pendedahan kepada risiko hutang berlaku dalam urusan biasa Kumpulan. Ahli Lembaga Pengarah menyemak dan meluluskan polisi untuk menguruskan risiko ini sebagaimana tersenarai di bawah:

(a) Risiko hutang

Pihak pengurusan mempunyai polisi kredit dan pendedahan Kumpulan kepada risiko ini diawasi dari semasa ke semasa.

Penilaian ke atas kemampuan berhutang dilakukan ke atas semua pelanggan yang memerlukan hutang untuk sesuatu jangka masa.

